

Lawatan pemimpin Bosnia erat kerjasama ekonomi

PUTRAJAYA 14 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan lawatan pemimpin Bosnia dan Herzegovina ke Malaysia sebagai satu anjakan besar dalam membentuk kerjasama ekonomi dan pembangunan antara kedua-dua negara itu.

Perdana Menteri berkata, walaupun hubungan diplomatik dan politik dengan Bosnia pada masa ini begitu baik serta erat tetapi dari segi hubungan ekonomi tidak serancak dan sebaik seperti diharapkan.

Beliau memberitahu, jumlah nilai perdagangan antara kedua negara masih lagi amat kecil.

"Lawatan Perdana Menteri Bosnia ini bukan sahaja berjumpa dan mengadakan perbincangan bilateral dengan saya tetapi dengan ahli-ahli perniagaan kita.

"Tujuannya adalah untuk menggalakkan dan memberi keyakinan kepada ahli perniagaan kita untuk pergi ke Bosnia dan mengambil apa jua peluang yang ada supaya nanti hubungan dua hala dalam perdagangan dan pelaburan dapat ditingkatkan lagi," katanya.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan dan bermesyuarat dengan delegasi Bosnia dan Herzegovina di pejabat beliau di sini hari ini.

Delegasi tersebut diketuai oleh Perdana Menteri Bosnia dan Herzegovina, Adnan Terzic.

Delegasi Malaysia pula diketuai oleh Abdullah sendiri dan disertai oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu; Pemangku Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Zainal Abidin Zin dan beberapa lagi menteri Kabinet.

Abdullah menambah, beliau amat mengalu-alukan niat Bosnia yang ingin menarik pelabur Malaysia ke negara itu.

Sehubungan itu, beliau berharap ahli-ahli perniagaan dan pelabur Malaysia akan melihat Bosnia dalam lebih positif lagi.

"Mungkin mereka menganggap Bosnia lebih memberi perhatian kepada usaha-usahanya menjadi anggota Kesatuan Eropah (EU), itu kita amat tahu



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Adnan Terzic semasa menyambut ketibaan rakan sejawatannya itu di Dataran Perdana, Putrajaya, semalam.

dan kita tidak ada sebarang halangan.

"Bahkan kita menggalakkan mereka dan kita juga mahu melihat mereka berjaya dalam usaha ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, masih ada ruang dan peluang untuk negara kita meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi.

"Saya percaya hasilnya, insya-Allah akan tingkatkan harapan kita banyak bergantung pada ucapan dan dialog dengan ahli perniagaan kita di Kuala Lumpur,"katanya.

Beliau memberitahu, Bosnia berminat untuk bekerjasama dalam bidang infrastruktur, pembangunan tenaga, perdagangan dan gas.

"Merekajuga mahu agar kita meneruskan hubungan baik kita pada ketika ini dalam bidang pendidikan," katanya.

Ditanya mengenai pembangunan semula Bosnia, Abdullah berkata, ia banyak bergantung kepada peranan dimainkan oleh kedua-dua negara dalam meningkatkan bidang ekonomi tersebut.